



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**INDEKS VOLUM PERKHIDMATAN, MALAYSIA
SUKU TAHUN KEEMPAT 2025**

**Indeks Volum Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 6.5 peratus
pada suku tahun keempat 2025**

PUTRAJAYA, 10 Februari 2025 – Indeks Volum Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 6.5 peratus tahun ke tahun pada suku tahun keempat 2025, mencapai 167.7 mata, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam siaran penerbitan hari ini, **Indeks Volum Perkhidmatan (2015=100), Suku Tahun Keempat 2025**. Penerbitan ini meliputi empat segmen, iaitu Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan; Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan; Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan; dan segmen Perkhidmatan Lain.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Secara keseluruhan, pertumbuhan Indeks Volum Perkhidmatan pada suku tahun keempat 2025 ini didorong terutamanya oleh segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan yang berkembang sebanyak 6.6 peratus. Ini diikuti oleh segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan yang mencatatkan peningkatan 8.7 peratus. Sementara itu, segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan meningkat 3.5 peratus, manakala segmen Perkhidmatan Lain merekodkan pertumbuhan yang lebih tinggi iaitu 10.3 peratus.”

Indeks volum bagi segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan meningkat 6.6 peratus kepada 167.9 mata, didorong oleh pertumbuhan dalam Perdagangan Borong & Runcit (5.8%), Makanan & Minuman (9.4%) dan Penginapan (15.1%). Mengulas lanjut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan bahawa pertumbuhan dalam Perdagangan Borong merupakan penyumbang utama, meningkat 6.6 peratus kepada 155.5 mata, diikuti oleh Perdagangan Runcit (4.6%) dan Kenderaan Bermotor (8.4%). Prestasi ini disokong oleh permintaan pengguna yang berterusan dan peningkatan aktiviti berkaitan pelancongan sepanjang suku tersebut.

Pada masa yang sama, segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan meningkat 8.7 peratus kepada 189.0 mata, didorong oleh pertumbuhan dalam subsektor Maklumat & Komunikasi (8.8%) dan Pengangkutan & Penyimpanan (8.5%). Perkembangan subsektor Maklumat & Komunikasi didorong oleh pembangunan berterusan dalam bidang digital dan pusat data, yang menunjukkan peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan digital serta rangkaian internet yang lebih mantap.

Sementara itu, segmen Perkhidmatan Perniagaan & Kewangan merekodkan indeks volum sebanyak 155.0 mata dengan pertumbuhan 3.5 peratus. Peningkatan ini disokong oleh subsektor Perkhidmatan Profesional dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan (7.0%), diikuti oleh Hartanah (8.0%) dan Kewangan & Insurans (0.5%), yang mencerminkan aktiviti perniagaan yang stabil dan keadaan pasaran yang baik.

Seterusnya, segmen Perkhidmatan Lain meningkat 10.3 peratus kepada 146.6 mata, dipacu oleh peningkatan dalam Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian & Lain-Lain Aktiviti (11.8%), Kesihatan Swasta (10.3%) dan Pendidikan Swasta (8.8%). Pertumbuhan dalam subsektor Kesenian, Hiburan & Rekreasi didorong oleh peningkatan penyertaan dalam aktiviti hiburan dan rekreasi, manakala Perkhidmatan Persendirian & Lain-Lain Aktiviti didorong oleh permintaan yang berterusan terhadap perkhidmatan dobi, kecantikan dan penjagaan diri.

Bagi perbandingan **suku tahunan** pula, Indeks Volum Perkhidmatan meningkat **1.9 peratus** pada suku tahun keempat 2025. Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan dalam segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan (2.4%), Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan (2.6%), Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan (0.4%) dan segmen Perkhidmatan lain (2.3%).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, "Indeks Volum Perkhidmatan bagi pelarasan bermusim meningkat secara sederhana sebanyak 0.5 peratus berbanding suku tahun ketiga 2025. Peningkatan ini didorong oleh segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan (2.0%) diikuti oleh Perkhidmatan Perniagaan & Kewangan (0.9%). Sementara itu, segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan, bersama-sama dengan segmen Perkhidmatan Lain merekodkan penurunan sederhana masing-masing sebanyak 0.3 peratus."

Prestasi tahunan Indeks Volum Perkhidmatan meningkat sebanyak **5.8 peratus** kepada 162.9 mata pada tahun 2025 berbanding tahun sebelumnya (2024: 154.0 mata; 5.7%). Peningkatan ini terutamanya didorong oleh pengembangan dalam segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan (5.5%), diikuti oleh Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan (7.8%), Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan (3.8%), dan segmen Perkhidmatan lain (9.1%).


Berikutan dengan penerimaan data yang dikemaskini dalam industri pusat data, indeks & statistik bagi Suku Tahun Pertama hingga Suku Tahun Ketiga 2025 yang telah diterbitkan sebelum ini telah disemak semula. Semakan ini bagi mencerminkan perkembangan aktiviti ekonomi semasa berkaitan pusat data di subsektor berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: Indeks Volum Perkhidmatan, Peratus Perubahan Tahun ke Tahun



Carta 2: Indeks Volum Perkhidmatan, Peratus Perubahan Suku Tahun ke Suku Tahun



Carta 3: Indeks Volum Perkhidmatan, Peratus Perubahan Tahunan



Jadual 1: Indeks Volum Perkhidmatan, ST1 - ST4 2025

Subsektor/ Sektor	Indeks	2025						
		ST1*		ST2*		ST3*		ST4
		Diterbitkan	Semakan semula	Diterbitkan	Semakan semula	Diterbitkan	Semakan semula	Diterbitkan
Maklumat & Komunikasi	Indeks Volum	174.5	178.3	175.9	180.9	178.4	186.4	189.9
	YoY (%)	3.5	5.8	3.4	6.3	3.8	8.5	8.8
	QoQ (%)	0.03	2.2	0.8	1.5	1.4	3.0	1.9
Perkhidmtan	Indeks Volum	158.2	158.8	159.9	160.6	163.4	164.6	167.7
	YoY (%)	5.2	5.6	5.1	5.5	4.8	5.5	6.5
	QoQ (%)	0.5	0.8	1.1	1.1	2.2	2.5	1.9

*Nota. Data daripada ST1 - ST3 2025 telah disemak semula

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
10 FEBRUARI 2026**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

**VOLUME INDEX OF SERVICES, MALAYSIA
FOURTH QUARTER 2025**

The Volume Index of Services grew by 6.5 per cent in the fourth quarter of 2025

PUTRAJAYA, 10TH FEBRUARY 2025 – The **Volume Index of Services** recorded a year-on-year growth of **6.5 per cent** in the fourth quarter 2025, reaching **167.7 points**, according to the Department of Statistics Malaysia (DOSM) in today's release of the **Volume Index of Services (2015=100), Fourth Quarter 2025**. The publication covers four segments, namely Wholesale & Retail Trade, Food & Beverage and Accommodation; Business Services and Finance; Information & Communication and Transportation & Storage; and Other Services.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated that, "Overall, growth in the Volume Index of Services in the fourth quarter of 2025 was mainly driven by the Wholesale & Retail Trade, Food & Beverage, and Accommodation segment, which expanded by 6.6 per cent. This was followed by the Information & Communication and Transportation & Storage segment, which recorded an increase of 8.7 per cent. Meanwhile, the Business Services and Finance segment grew by 3.5 per cent, while the Other Services segment registered a higher growth of 10.3 per cent."

The volume index for **Wholesale & Retail Trade, Food & Beverage and Accommodation** segment rose by **6.6 per cent to 167.9 points**, supported by the growth in Wholesale & Retail Trade (5.8%), Food & Beverage (9.4%) and Accommodation (15.1%). Elaborating further, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin noted that growth in Wholesale trade was the main contributor, expanding by 6.6 per cent to 155.5 points, followed by Retail Trade (4.6%) and Motor Vehicles (8.4%). This performance was underpinned by resilient consumer demand and higher tourism-related activity during the quarter.

At the same time, the **Information & Communication and Transportation & Storage** segment increased by **8.7 per cent** to **189.0 points**, driven by growth in Information & Communication (8.8%) and Transportation & Storage (8.5%). The expansion of the Information & Communication sub-sector was underpinned by ongoing developments in digital and data centres, signalling rising demand for digital services and stronger connectivity.

Meanwhile, **Business Services and Financial** segment recorded a volume index of **155.0 points**, with a growth of **3.5 per cent**. This increase was supported by Professional and Administrative & Support Services (7.0%), followed by Real Estate (8.0%) and Finance & Insurance (0.5%) reflecting steady business activity and stable market conditions.

In addition, the **Other Services** segment grew by **10.3 per cent** to **146.6 points**, driven by increases in Arts, Entertainment & Recreation and Personal Services & Other Activities (11.8%), Private Health (10.3%), and Private Education (8.8%). Growth in Arts, Entertainment & Recreation was supported by higher participation in leisure activities, while Personal Services & Other Activities benefited from continuous demand for laundry, beauty and personal care services.

On a **quarter-on-quarter** basis, the Volume Index of Services increased by **1.9 per cent** in the fourth quarter of 2025. This growth was supported by increase in Wholesale & Retail Trade, Food & Beverage and Accommodation (2.4%), Information & Communication and Transportation & Storage (2.6%), Business Services and Finance (0.4%) and the Other Services segment (2.3%).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added that, "The **seasonally adjusted Volume Index of Services** increased marginally by **0.5 per cent** compared with the third quarter of 2025. This increase was driven by Information & Communication and Transportation & Storage (2.0%) as well as Business Services and Finance (0.9%). Meanwhile, Wholesale & Retail Trade, Food & Beverage and Accommodation, together with Other Services, recorded modest declines of 0.3 per cent each."

The **annual performance** of the Volume Index of Services increased by **5.8 per cent** to **162.9 points** in 2025 compared to the previous year (2024: 154.0 points; 5.7%). This growth was mainly driven by the expansion in the Wholesale & Retail Trade, Food & Beverage and Accommodation segment (5.5%), followed by Information & Communication and Transportation & Storage (7.8%), Business Services and Finance (3.8%), and Other Services segment (9.1%).

Following updated information on data centre activities, the indices and statistics for the First Quarter to the Third Quarter of 2025 that were previously published have been revised. This revision reflects recent developments in economic activities related to data centres, particularly within sub-sectors associated with information and communication technology.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Volume Index of Services, Year-on-Year Percentage Change




Chart 2: Volume Index of Services, Quarter-on-Quarter Percentage Change




Chart 3 : Volume Index of Services, Annual Percentage Change




Table 1: Volume Index of Services, Q1 - Q4 2025

Sub-sector/ Sector	Index	2025						
		Q1*		Q2*		Q3*		Q4
		Published	Revised	Published	Revised	Published	Revised	Published
Information & Communication	Volume Index	174.5	178.3	175.9	180.9	178.4	186.4	189.9
	YoY (%)	3.5	5.8	3.4	6.3	3.8	8.5	8.8
	QoQ (%)	0.03	2.2	0.8	1.5	1.4	3.0	1.9
Services	Volume Index	158.2	158.8	159.9	160.6	163.4	164.6	167.7
	YoY (%)	5.2	5.6	5.1	5.5	4.8	5.5	6.5
	QoQ (%)	0.5	0.8	1.1	1.1	2.2	2.5	1.9

*Note. Data from Q1 - Q3 2025 has been revised

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
10 FEBRUARY 2026**